

PM umum RM8.8 juta untuk bekalan air di Saratok
Utusan Online
27 April, 2013

SARATOK 27 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan peruntukan RM8.8 juta bagi memperbaiki dan meningkatkan keupayaan bekalan air kepada penduduk di seluruh Saratok.

Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, peruntukan itu termasuk menggantikan kesemua paip-paip lama dan membaik pulih sistem perpaipan di daerah tersebut dengan segera.

Beliau berkata, kerja-kerja membaik pulih tersebut akan dijalankan bagi membolehkan bekalan air disalurkan kepada penduduk di daerah itu terutama di kawasan luar bandar yang sering mengalami gangguan air mendapat bekalan berterusan. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130427/dn_21/PM-umum-RM88-juta-untuk-bekalan-air-di-Saratok#ixzz2Zor6RQIT